



"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

ASPIRASI

Edisi 3/2025
(Julai - September)

Seminar

PENGURUSAN

MEMPERKUKUH KEPIMPINAN, MEMACU KEJAYAAN



**KPF SERAH ZAKAT
PERNIAGAAN**

RM 1.77 JUTA KEPADA PPZ

**FELDA BERI RUANG
KEPADA KPF**

UNTUK KEMBANG AKTIVITI
PERNIAGAAN



Penaung
Sakinah Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



Penasihat
Anuar Hassan
Divisyen Pengurusan & Perkhidmatan



Ketua Editor
Atiqah Ya'acob



Penulis
Mohd Fikrie Azlan



Visual & Media
Ahmad Yusri Yusoff



Grafik & Visual
Farhan Akmal Parsi



Media & Perhubungan Awam
Salmiah Ahmad Tahir



Grafik & Media
Muhammad Izzat Che Baharun

SOROTAN BERITA

- **KPF SERAH ZAKAT
PERNIAGAAN RM1.77 JUTA** **9**
- **KPF METERAI PERJANJIAN
KOLABORASI STRATEGIK** **13**
- **KPF MEMPERKASA BARISAN
KEPIMPINAN - SUCCEED** **17**
- **SEMINAR PENGURUSAN
PERKUKUH KEPIMPINAN** **18**
- **MEDIA VISIT KPF KE
MALAYSIA GAZETTE** **25**



@kpfrasmi



www.kpf.my

ASPIRASI PENGGERUSI

Assalamualaikum WBT dan Salam Malaysia Madani,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, penerbitan Buletin Aspirasi edisi ketiga bagi tahun 2025 dapat direalisasikan sebagai wadah penyampaian maklumat.

Saya mengambil kesempatan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan anggota Lembaga atas sumbangan dan jasa mereka, serta mengalu-alukan pelantikan anggota Lembaga baharu hasil Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44. Barisan Lembaga sentiasa komited memelihara kepentingan pemegang taruh, khususnya anggota koperasi.

Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada kepimpinan FELDA atas penganjuran Karnival Mega 3 Dimensi sempena Hari Peneroka di MiTEC. Penyertaan aktif KPF dan Kumpulan mencerminkan komitmen berterusan dalam menjayakan matlamat yang seiring antara FELDA dan Kumpulan KPF.

Dalam usaha memperkukuh tadbir urus korporat, pelbagai gerak kerja telah diatur seperti menganjurkan seminar pengurusan berfokuskan kepimpinan kolaboratif dan berorientasikan hasil bagi memperkasa barisan pengurusan.

Saya yakin dan percaya dengan sokongan padu semua pihak, khususnya anggota koperasi, KPF akan terus melangkah cemerlang untuk masa akan datang. Tahniah dan syabas kepada semua. Semoga segala usaha kita sentiasa diberkati Allah SWT demi kemajuan koperasi yang kita cintai.

Sekian, wassalam.

YBHG. DATO' MOHD BANURI ARIS
Pengerusi

WARKAH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Ukhuwah,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana memberi ruang dan peluang kepada kita untuk terus berbakti kepada koperasi yang kita kasihi. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada sidang redaksi penerbitan atas komitmen menjayakan buletin ini.

Tahniah dan syabas kepada FELDA atas kejayaan menganjurkan Karnival Mega 3 Dimensi sempena Hari Peneroka di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MiTEC), Kuala Lumpur. Penglibatan aktif KPF dan Kumpulan mencerminkan sokongan berterusan dalam memberikan manfaat kepada warga FELDA yang juga merupakan anggota KPF.

Bagi mendepani cabaran semasa, pengurusan KPF terus memberi penekanan kepada pemerkasaan tadbir urus, memperkukuh barisan kepimpinan pengurusan, menerusi program *SUCCEED*. Tahniah diucapkan kepada petugas KPF dan Kumpulan yang telah berjaya menamatkan program ini dan diharapkan dapat menyumbang prestasi kerja yang cemerlang.

Sebagai sebahagian tanggungjawab sosial, KPF turut menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM1.77 juta kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. Diharapkan prestasi ini dapat diteruskan demi pulangan dividen yang lebih baik serta manfaat berterusan kepada ummah.

Sekian, terus maju jaya bersama KPF. Wassalam.

SAKINAH SALLEH
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



@kpfasmj



www.kpf.my

Seluruh warga Koperasi Permodalan
 FELDA Malaysia Berhad (KPF)
 mengucapkan Selamat Hari Peneroka
 FELDA 2025 kepada semua peneroka
 yang menjadi nadi kekuatan tanah
 rancangan FELDA.

SELAMAT
 HARI
Peneroka
 FELDA
 7 JULAI 2025

*Selamat Ulang
Tahun*

1980 - 2025

KOPERASI PERMODALAN FELDA
MALAYSIA BERHAD

**Selamat Ulang Tahun KPF Ke-45
(1 Julai 1980 – 1 Julai 2025)**

45 tahun sebagai wadah pelaburan warga FELDA,
terus melangkah membina nilai dan
kesejahteraan bersama.

Terima kasih atas sokongan para anggota
yang disayangi.

Majlis Sanjungan Budi ASPIRASI PENGHARGAAN ATAS JASA DAN KHIDMAT BAKTI MANTAN LEMBAGA



BANGI, 17 Julai 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah mengadakan Majlis Sanjungan Budi Mantan Lembaga bagi meraikan jasa dan khidmat bakti tiga orang mantan Anggota Lembaga KPF sesi 2024/2025 yang telah bersara iaitu YBr. Puan Siti Zaroha Nasharuddin (mantan Bendahari), YBhg. Dato' Zakaria Arshad dan Encik Samsudin Othman atau lebih dikenali sebagai Pak Sam.

KPF amat menghargai segala jasa dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka dalam memperkukuh tadbir urus dan memperjuangkan keadilan serta kemakmuran pemegang taruh KPF khususnya untuk komuniti FELDA.

Majlis penghargaan ini telah berlangsung di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi dan turut dihadiri oleh Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, barisan Anggota Lembaga KPF sesi 2025/2026, barisan pengurusan KPF yang diketuai oleh Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, ketua-ketua syarikat serta ketua-ketua jabatan.



**HOTEL TENERA,
BANDAR BARU BANGI**

Sekalung Penghargaan & *Terima Kasih*

KPF merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Puan Siti Zaroha Nasharuddin, YBhg. Dato' Zakaria Arshad** dan **Encik Samsudin Othman** atas segala jasa, khidmat bakti dan sumbangan sepanjang memegang amanah sebagai Anggota Lembaga KPF Sesi 2024/2025.

Semoga segala sumbangan yang dicurahkan menjadi inspirasi dan meninggalkan impak yang bermakna buat KPF dan seluruh anggota.



**YBhg. Dato'
Zakaria Arshad**

Tempoh Perkhidmatan: 6 tahun
(23 Jun 2019 hingga 16 Jun 2025)



**Puan Siti
Zaroha Nasharuddin**

Tempoh Perkhidmatan: 1 tahun
(11 Julai 2024 hingga 26 Jun 2025)



**Encik
Samsudin Othman**

Tempoh Perkhidmatan: 12 tahun
(7 Julai 2013 hingga 26 Jun 2025)

*Terima kasih atas khidmat dan bakti yang ditinggalkan,
moga terus diberkati, dikenang dan menjadi
inspirasi buat yang meneruskan perjuangan.*

Ikhlas daripada:
**Pengerusi, Anggota Lembaga KPF, pengurusan
serta seluruh warga kerja KPF dan Kumpulan**

FELDA BERI RUANG KEPADA KPF

UNTUK KEMBANG AKTIVITI PERNIAGAAN



FELDA telah memberi peluang kepada Koperasi Permodalan FELDA (KPF) untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti perniagaan dibawah kumpulan FELDA. FELDA juga telah memberi kebenaran kepada KPF untuk menjalankan perniagaan di tanah-tanah milik FELDA termasuk pembukaan pasaraya.

KPF juga terlibat dalam aktiviti penanaman semula kelapa sawit yang dijalankan oleh FELDA dan FGV. FELDA sentiasa membuka ruang dan peluang kepada KPF untuk mengembangkan aktiviti perniagaan.

YAB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi
Timbalan Perdana Menteri
Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

Sumber : Facebook KKDW



Kerjasama erat FELDA-KPF dijangka memperkasa aktiviti ekonomi komuniti peneroka.



@kpfrosmi



www.kpf.my



MITEC, KUALA LUMPUR

KPF SERAH ZAKAT PERNIAGAAN RM 1.77 JUTA KEPADA PUSAT PUNGUTAN ZAKAT (PPZ)

KUALA LUMPUR, 1 Ogos 2025 – Sebagai tanda komitmen terhadap tanggungjawab sosial dan kewajipan zakat demi manfaat ummah, Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM1,777,947.76 kepada Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan.

Penyerahan tersebut diadakan secara simbolik semasa Majlis Malam Mega Selawat bertempat di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) sempena sambutan MK3D Hari Peneroka.

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, kepada Pengerusi PPZ-MAIWP, YBhg. Dato' Sri Amrin Awaluddin, dan disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, sebagai simbolik komitmen KPF dalam menyokong pembangunan ekonomi ummah melalui institusi zakat.

Majlis Malam Mega Selawat diserikan dengan alunan qasidah dan selawat sebagai semangat kesyukuran dan ukhuwah.



KPF MERIAHKAN PERASMIAN PENUTUP MINI KARNIVAL MK3D DI MENARA FELDA



KUALA LUMPUR, 25 Julai 2025 – Bertempat di Menara FELDA, Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bersama-sama memeriahkan Majlis Penutup Mini Karnival MK3D yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Pengerusi FELDA.

Turut serta sebagai pempamer di Menara FELDA adalah syarikat subsidiari KPF iaitu KPF Niaga, KPF Hotel Management (Hotel Tenera), FELDA D'Saji, KPF Trading serta syarikat bersekutu Sustainable Future Sdn. Bhd. (SFSB) menampilkan jualan & pameran produk serta perkhidmatan yang menarik.

Majlis dihadiri oleh Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF dan ketua-ketua syarikat subsidiari.



**MENARA FELDA,
PERSIARAN KLCC**



@kpfasmr



www.kpf.my



KPF SEMARAKKAN MINI KARNIVAL 3 DIMENSI DAN SENTUHAN MADANI FELDA ZON JELAI 2025

JELAI, 26 Julai 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) terus memainkan peranan aktif dalam memacu pembangunan keusahawanan dan komuniti luar bandar apabila turut serta memeriahkan Majlis Perasmian Mini Karnival 3 Dimensi & Sentuhan MADANI FELDA Zon Jelai 2025. Karnival anjuran FELDA ini merupakan salah satu daripada siri jelajah yang berlangsung menjelang acara kemuncak Karnival Mega 3 Dimensi (MK3D) sempena Hari Peneroka.

YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Pengerusi FELDA, turut menyampaikan amanat mengenai kepentingan perpaduan, pembangunan komuniti MADANI serta pemerkasaan keusahawanan dalam kalangan warga FELDA. Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias, Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan.

KPF memberi sokongan melalui penglibatan syarikat subsidiarinya iaitu KPF Niaga, KPF Trading (D'Mart Segi Fresh), serta syarikat bersekutu Sustainable Future Sdn. Bhd. yang mempamerkan rangkaian produk dan perkhidmatan kepada pengunjung karnival.

Turut hadir ialah Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF.

KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI,
FELDA JELAI 02, WILAYAH RAJA ALIAS



@kpfirasmi



www.kpf.my

KPF SERTAI SIRI JELAJAH TERAKHIR KARNIVAL MEGA 3 DIMENSI DI WILAYAH TROLAK & ALOR SETAR

FELDA BESOUT 3, 27 Julai 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) turut serta memeriahkan Karnival Mini 3 Dimensi Wilayah Trolak dan Alor Setar yang menjadi siri jelajah terakhir menjelang Karnival Mega 3 Dimensi Hari Peneroka yang akan diadakan pada 30 Julai hingga 3 Ogos 2025 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur.

KPF bersama syarikat subsidiari iaitu KPF Niaga Sdn. Bhd. dan KPF Trading turut menjadi pempamer dalam menonjolkan aktiviti perniagaannya. KPF dan Kumpulan komited dalam menyatakan sokongan terhadap FELDA melalui penganjuran program yang memberi impak positif terhadap pembangunan komuniti peneroka.

Majlis telah disempurnakan oleh Pengerusi FELDA, YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek. Turut hadir adalah Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Komuniti FELDA merangkap Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris dan Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan merangkap Anggota Lembaga KPF, Encik Sulong Jamil Mohamed Shariff dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Puan Sakinah Salleh.



FELDA BERSOUT,
PERAK



@kpfirasmi



www.kpf.my

KPF MEMETERAI PERJANJIAN & KOLABORASI STRATEGIK

PERKASA EKONOMI DAN MASA DEPAN PERNIAGAAN LEBIH MAMPAN

MITEC KUALA LUMPUR, 2 Ogos 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) terus memperkukuh kedudukan strategiknya dalam pelbagai sektor ekonomi dengan memeterai tiga bentuk kolaborasi strategik melalui pemeteraian perjanjian dan memorandum persefahaman dengan rakan strategik dalam bidang ekonomi hijau, pertanian dan insurans.

Majlis penyerahan perjanjian telah disempurnakan oleh Dato' Mohd Banuri Aris, Pengerusi KPF, dan disaksikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri di Majlis Perasmian Mega Karnival 3 Dimensi (MK3D) di MITEC. Inisiatif ini membuktikan komitmen KPF untuk terus berkembang secara mampan, proaktif dan memberi manfaat kepada warga FELDA.



- KPF – ABRA Tron Bradbury Sdn Bhd (Kerjasama strategik automasi ekonomi hijau)
- KPF – AQINA Fruits Sdn Bhd (Kerjasama dalam penanaman nanas MD2)
- KPF Niaga – Sejamas Group Sdn Bhd (Kerjasama dalam pemasaran pakej insurans)



MITEC, KUALA LUMPUR



@kpftrasmis



www.kpf.my

PMS LESTARI: LANGKAH KPF PERKASA LOGISTIK SAWIT LEBIH CEKAP DAN LESTARI



MITEC, KUALA LUMPUR



KUALA LUMPUR, 1 Ogos 2025 – KPF menyertai Seminar JPPK FELDA 2025 pada Sesi Seminar 3 bertajuk Transformasi Industri Sawit: Menjana Produktiviti dan Kecekapan Melalui Inovasi dan Digitalisasi.

Seramai empat panel terlibat dan KPF diwakili oleh Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF membawa subtopik bertajuk Pusat Mengumpul Sawit (PMS) Lestari: Solusi Logistik Bagi Rantaian Bekalan Lebih Cekap. Sesi ini dikendalikan oleh moderator Encik Razuwan Che Rose, Pengarah Operasi Perladangan FELDA.

Panel yang terlibat adalah Encik Romzi Ishak, Ketua Bahagian Penyelidikan & Pembangunan (R&D), FGV Holdings Berhad, Puan Hazarl Haizat Md Akir, Pengarah Penyelidikan & Pembangunan, FELDA dan Encik Fazylisham Abdul Majid, Head Mechanisation Upstream Malaysia, SD Guthrie Berhad.

Seminar JPPK FELDA 2025 ini diadakan di Karnival Mega 3 Dimensi Hari Peneroka di MITEC, Kuala Lumpur.

Pengurusan KPF turut hadir pada sesi ini.

Melalui inisiatif PMS Lestari, FELDA berusaha untuk:

- Mempercepat dan menambah baik rantaian bekalan sawit.
- Mengurangkan kos dan masa logistik.
- Menyokong kelestarian perladangan.

KPF SERAH SUMBANGAN PERALATAN KESIHATAN SEMPENA HARI MALAYSIA DI FELDA GUGUSAN UMAS



FELDA GUGUSAN UMAS, WILAYAH SAHABAT SABAH, 12 September 2025 – Sebagai tanda keprihatinan, Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah menyumbangkan peralatan kesihatan berupa kerusi roda dan katil sebagai sumbangan wakalah kepada anggota KPF yang terdiri daripada warga peneroka Felda Umas dan Felda Kalabakan. Serahan tersebut diadakan dalam *Program Ziarah Kasih* sempena Sambutan Hari Malaysia Peringkat Wilayah Sahabat di Felda Gugusan Umas.

Turut hadir dalam program ini ialah Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan, YBhg. Datuk Hj. Sulong Jamil Mohamed Shariff, diiringi Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA merangkap Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Puan Sakinah Salleh, pengurusan KPF dan kakitangan serta wakil kakitangan daripada Yayasan FELDA.

Sumbangan ini dapat direalisasikan hasil kerjasama erat bersama Yayasan FELDA yang sentiasa mendukung usaha memperkukuh kesejahteraan komuniti peneroka. Inisiatif murni ini bukan sahaja membantu meringankan beban penerima, malah mencerminkan kesungguhan KPF dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan hidup warga peneroka terus terpelihara.



FELDA GUGUSAN UMAS, SABAH



@kpfasm



www.kpf.my

PEMBENTANGAN PRESTASI KPI SUKU TAHUN KEDUA 2025 KPF DAN SYARIKAT SUBSIDIARI

DEWAN PERDANA FELDA, KUALA LUMPUR, 7 & 8 Ogos 2025 – KPF telah mengadakan sesi pembentangan prestasi KPI bagi Suku Tahun Kedua tahun 2025 yang melibatkan Pembentangan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua-Ketua Syarikat Subsidiari dan Ketua-Ketua Jabatan.

Sesi ini bertujuan menilai pencapaian semasa serta menyelaraskan hala tuju strategik bagi separuh tahun kedua. Secara keseluruhan, prestasi yang dipersembahkan adalah positif dan memberangsangkan serta ada penambahan yang perlu dilakukan. Ini mencerminkan komitmen berterusan seluruh pasukan Kumpulan KPF.



DEWAN PERDANA FELDA,
KUALA LUMPUR



@kpfirasmi



www.kpf.my



DARI POTENSI KE PRESTASI:

DEWAN PERDANA FELDA,
KUALA LUMPUR

KPF MEMPERKASA BARISAN KEPIMPINAN 41 PETUGAS GRADUAT SUCCEED

SUCCEED

(Successor Competency Enhancement and Development)
Merupakan salah satu inisiatif pembangunan pemimpin masa hadapan yang dilaksanakan dengan bimbingan perunding latihan sumber manusia. (Irshad HR Consulting).

Program SUCCEED dibahagikan kepada tiga kategori pembangunan kepimpinan:

- Senior Leadership Development Programme (SLDP)
- Managerial Leadership Development Programme (MLDP)
- Emerging Leadership Development Programme (ELDP)

DEWAN PERDANA FELDA, KUALA LUMPUR, 11 Ogos 2025 – KPF terus komited memberi nilai tambah kepada petugas dan barisan kepimpinan yang terpilih melalui program latihan kerjaya.

Petugas yang berjaya melepasi penilaian program diraikan dalam Majlis Graduasi SUCCEED sebagai simbol penghargaan atas komitmen dan kejayaan mereka menamatkan latihan ini.

Majlis graduasi dihadiri oleh Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF; Encik Zaffary Ab. Rashid, Pengarah Eksekutif Pelaburan dan Perniagaan; serta Tn. Haji Ahmad Raji Yaakub, Ketua Pegawai Eksekutif Irshad HR Consulting.

Tahniah kepada semua graduan SUCCEED!



@kpfirasmi



www.kpf.my



NEGERI SEMBILAN

Seminar

PENGURUSAN KPF:

MEMPERKUKUH KEPIMPINAN, MEMACU KEJAYAAN

NEGERI SEMBILAN, 15 - 17 Ogos 2025 - Satu Seminar Pengurusan Kumpulan KPF telah berlangsung dengan jayanya, menghimpunkan seramai 59 peserta yang terdiri daripada Ketua Syarikat, Ketua Divisyen dan Ketua Jabatan.

Seminar ini bukan sekadar latihan, tetapi satu retreat strategik untuk memperkukuh barisan kepimpinan KPF.

Tahniah dan syabas kepada semua peserta yang telah menunjukkan komitmen tinggi sepanjang seminar ini. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi dapat diaplikasikan dalam tugas harian, memperkukuh budaya kerja berprestasi tinggi, dan membawa KPF lebih dekat ke arah aspirasi menjadi konglomerat unggul dalam gerakan koperasi.

Seminar ini diserikan dengan kehadiran dan penyempurnaan majlis penutup oleh YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Pengerusi KPF.



@kpfrasmi



www.kpf.my

KPF MANTAPKAN TADBIR URUS MELALUI BENGKEL PENGURUSAN RISIKO STRATEGIK

DEWAN PERDANA FELDA, KUALA LUMPUR, 27 - 28 Ogos 2025 - Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) dengan kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Risiko Strategik bagi memperkukuh tadbir urus dan kesiapsiagaan risiko di peringkat organisasi.

Seramai 16 petugas dipilih sebagai *Risk Champion*, mewakili setiap jabatan, mengikuti enam modul utama termasuk pembangunan heat map risiko, pengisian *Risk Management Plan (RMP)* serta simulasi insiden risiko sebenar yang berpotensi berlaku dalam organisasi.

Bengkel selama dua hari ini menggabungkan teori dan praktikal yang dijangka dapat meningkatkan keberkesanan pelan pengurusan risiko KPF dalam mendepani cabaran yang semakin kompleks.

Sesi dikendalikan oleh Puan Nur Hayati Baharuddin, pakar berpengalaman dalam pengurusan risiko, audit dalaman dan tadbir urus korporat, yang juga memegang pelbagai jawatan penting di peringkat nasional dan antarabangsa.



PUAN NUR HAYATI BAHARUDDIN
PENCERAMAH JEMPUTAN IKMA



**DEWAN PERDANA FELDA,
KUALA LUMPUR**

Pembiayaan KPF Jadi

PEMANGKIN KEMAJUAN PERNIAGAAN KOPERASI FELDA SUNGAI KOYAN TIGA RAUB BERHAD

Dari menghantar Buah Tandan Segar (BTS) ke kilang lebih empat dekad lalu, Koperasi Felda Sungai Koyan III Raub Berhad yang ditubuhkan pada tahun 1977 kini terus berdiri kukuh dengan 770 ahli. Perjalanan koperasi ini berkembang maju melalui pelbagai usaha dari mini market, stesen minyak, homestay, rumah sewa hingga ruang perniagaan yang dikhaskan untuk anggotanya.

Koperasi ini meluaskan sayap perniagaan ke bidang baharu iaitu farmasi dan kedai makanan haiwan sebagai usaha menambah pendapatan koperasi, selain menguruskan projek BTS yang dilihat berpotensi menjana hasil mampan untuk jangka panjang.

Sokongan pembiayaan daripada Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) menjadi pemangkin utama kepada kejayaan ini. Melaluinya, Koperasi Felda Sungai Koyan Tiga berjaya melaksanakan projek strategik yang memberi manfaat langsung kepada ahli. Antara kejayaan besar termasuk kontrak pembinaan Jalan Betau ke Pos Lenjang bernilai RM750,000, serta **pembiayaan terkini berjumlah RM1 juta bagi projek pembelian BTS.**



FARMASI



COOP MART



CAFE TEPI KOLAM



KEDAI MAKANAN HAIWAN



FELDA SUNGAI KOYAN TIGA RAUB, PAHANG



HAJI MOHD RADZI MOHD NOR
PENGURUS KOPERASI FELDA SUNGAI KOYAN TIGA
RAUB BERHAD



RUMAH INAP KOPERASI



PAHANG

BENGKEL MANUAL OPERASI PUSAT MENGUMPUL SAWIT (PMS) FELDA : KPF BERSAMA FELDA MEMACU KEBERKESANAN, KEBOLEHJEJAKAN & KELESTARIAN INDUSTRI SAWIT

PAHANG, 2 – 3 September 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) turut serta dalam Bengkel Manual Operasi Pusat Mengumpul Sawit (PMS): Memacu Keberkesanan, Kebolehjejukan dan Kelestarian Industri Sawit yang dianjurkan oleh FELDA.

Bengkel ini menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pengurusan FELDA, FGV Holdings, Sustainable Future Sdn Bhd, Malaysian Palm Oil Board (MPOB) serta wakil Peneroka dari peringkat Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan.

Penglibatan KPF dalam bengkel ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan KPF untuk bersama-sama FELDA memperkukuh ekosistem ekonomi peneroka serta memastikan industri sawit negara terus mampan, berdaya saing dan memberi manfaat menyeluruh kepada semua pihak.

Bengkel ini telah dirasmikan pembukaan dan penutupannya oleh YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Pengerusi FELDA. KPF dihadiri oleh YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Pengerusi KPF merangkap Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA yang juga Pengerusi Sustainable Future, YBhg. Datuk Haji Sulong Jamil Mohamed Shariff, Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan yang juga Anggota Lembaga KPF, YBrs. Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, bersama pegawai kanan daripada pasukan perladangan, pelaburan perniagaan, dan pengurusan & perkhidmatan.



PERJUMPAAN STRATEGIK KPF

BERSAMA KONIMA



KUALA LUMPUR, 10 September 2025 – Satu sesi perjumpaan telah berlangsung antara Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) dan Koperasi Niaga Maju Berhad (KONIMA) bertempat di ibu pejabat KPF, Balai FELDA, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan bagi membincangkan potensi kerjasama strategik antara kedua-dua koperasi dalam usaha memperkukuhkan jaringan ekonomi dan memperluaskan peluang perniagaan koperasi di Malaysia.

Perbincangan disertai oleh Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, bersama wakil pengurusan KPF. Delegasi KONIMA pula diketuai oleh Puan Halida Mohd Daud, Pengerusi KONIMA.

KPF komited untuk terus membuka ruang kerjasama yang berimpak tinggi dengan koperasi-koperasi lain, selari dengan aspirasi memperkasa ekonomi koperasi dan komuniti.



BALAI FELDA,
KUALA LUMPUR



@kpfirasmi



www.kpf.my

ZIARAH PRIHATIN MANGSA KEBAKARAN FELDA SOEHARTO

SELANGOR, 20 September 2025 – Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris turun padang menziarahi mangsa kebakaran, Puan Masnizar Mohsin sekeluarga di FELDA Soeharto sebagai tanda keprihatinan terhadap warga FELDA dan anggota KPF yang ditimpa musibah.

Turut serta dalam kunjungan itu ialah Encik Anuar Hassan, Ketua Pengurusan dan Perkhidmatan KPF yang mewakili barisan pengurusan koperasi. Turut serta Puan Izyani Abdul Rahim, Pengurus Besar Yayasan FELDA bersama barisan pengurusan wilayah serta kepimpinan KAF dan MBFM.

Dalam ziarah tersebut, sumbangan keperluan semasa telah disampaikan bagi meringankan beban keluarga mangsa. KPF berharap bantuan ini dapat memberi sedikit kelegaan, selain mendoakan agar keluarga Puan Masnizar dikurniakan kekuatan, ketabahan dan dipermudahkan urusan menempuh hari-hari mendatang.



FELDA SOEHARTO,
HULU SELANGOR



@kpfrsmi



www.kpf.my



MSM LANCAR GULA PRAI EDISI KHAS FELDA

**KPF NYATA SOKONGAN DAN CADANGAN JADI EJEN TUNGGAL
PEMBEKAL GULA DI TANAH RANCANGAN FELDA**

PRAI, PULAU PINANG, 17 September 2025 - Malaysia Holdings Berhad (MSM) Prai, selaku kilang penapisan gula terbesar di Malaysia, telah melancarkan Gula Prai Edisi Khas FELDA dan telah dilancarkan pada sesi lawatan Pengerusi FELDA, YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek bersama delegasi Kumpulan FELDA di Kilang MSM Prai.

Pelancaran ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery sebagai penghormatan kepada peneroka FELDA yang menjadi tulang belakang pembangunan negara. Delegasi turut dibawa meninjau operasi kilang dan proses penapisan gula.

Dalam lawatan tersebut, YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery turut mengadakan sidang media mengupas langkah strategik MSM pada masa hadapan. Sidang media sokongan juga diadakan oleh Pengerusi KPF merangkap Timbalan Pengarah Besar FELDA Pembangunan Komuniti dan juga Ahli Lembaga MSM, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris yang menzahirkan sokongan penuh agar kerajaan mengekalkan subsidi gula RM1 sekilogram demi menjamin bekalan berterusan, kestabilan harga runcit dan kelangsungan operasi MSM.

KPF turut mencadangkan agar KPF Trading Sdn. Bhd. dipertimbangkan sebagai ejen tunggal pengedaran gula ke tanah rancangan FELDA, selain meneroka kerjasama dengan koperasi di bawah seliaan SKM.

Usaha ini diyakini mampu memperkukuh rangkaian pengedaran, memastikan bekalan gula pada harga berpatutan serta memberikan manfaat berterusan kepada anggota KPF melalui pulangan dividen tahunan yang stabil dan mampan.



PRAI,
PULAU PINANG

Turut hadir ialah Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan merangkap Anggota Lembaga KPF, YBhg. Datuk Hj. Sulong Jamil Mohamed Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Puan Sakinah Salleh, Pengerusi FGV, YBhg. Tan Sri Rastam Mohd Isa, serta kepimpinan kanan FELDA, barisan Anggota Lembaga KPF dan pengurusan kanan KPF, FGV dan MSM.

KUNJUNGAN KPF KE MALAYSIA GAZETTE PERKUKUH JALINAN STRATEGIK MEDIA



MALAYSIA GAZETTE HQ,
BANDAR SRI PERMAISURI



BANDAR SRI PERMAISURI, 18 Julai 2025 – Satu sesi kunjungan media Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah diadakan di ibu pejabat Malaysia Gazette sebagai usaha memperkukuh hubungan strategik bersama rakan media.

Lawatan ini diketuai oleh Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris dan disambut mesra oleh Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Gazette, Puan Noraini Abd Razak, Pengurus Besar Pemasaran, Chloe H.B. Siao bersama pasukannya.

Kunjungan ini turut disertai oleh syarikat bersekutu KPF, Sustainable Future Sdn. Bhd. (SFSB), bagi meneroka peluang kolaborasi media dan komunikasi strategik secara lebih meluas. Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF bersama barisan pengurusan tertinggi turut hadir bersama Encik Armanudin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif SFSB dan pasukannya.

Melalui pertemuan ini, pelbagai idea dan potensi kerjasama turut dibincangkan bagi memperkukuh naratif korporat serta mengekalkan keterlihatan positif jenama KPF di mata masyarakat.



DATO' MOHD BANURI ARIS
PENGERUSI KPF



@kpfrasm



www.kpf.my

UKM,
BANGI

SESI PERKONGSIAN SISTEM PEROLEHAN eP@UKM BERSAMA KPF

BANGI, 29 September 2025 – KPF berpeluang menghadiri sesi perkongsian Sistem Perolehan Elektronik eP@UKM yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Sesi ini membuka ruang untuk memahami dengan lebih mendalam cara sistem ePerolehan berfungsi bermula daripada permintaan perolehan, proses kelulusan, hinggalah ke penilaian pembekal. Penyertaan ini juga merupakan langkah penting bagi KPF dalam memastikan urusan perolehan lebih efisien, telus dan selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan.

Sesi ini dihadiri oleh YBrs. Encik Faizal Ahmaddun, Ketua Jabatan Teknologi dan Maklumat, YBrs. Ir. Muhammad Zaid Pahmi Abd Hamid, Ketua Jabatan Perolehan dan Projek serta wakil-wakil daripada syarikat kumpulan KPF.

KPF komited untuk terus menambah baik pengurusan dalaman dengan mengadaptasi sistem digital yang mesra pengguna dan patuh prosedur.



@kpfrasmi



www.kpf.my

PEMAKLUMAN ATURAN KHAIRAT KEMATIAN

Semua Anggota Yang Dihargai,

MAPT Ke-44 pada 26 Jun 2025 telah meluluskan Aturan Khairat Kematian (Pindaan) dengan penggunaan pemakaiannya bermula **1 Ogos 2025.**

Syarat-syarat aturan (pindaan) adalah seperti berikut:

- ✓ **Khairat kematian adalah untuk anggota sahaja.**
- ✓ **Tiada lagi tuntutan khairat kematian untuk keluarga (Isteri & Anak).**
- ✓ **Mempunyai baki syer minimum sebanyak RM500.00.**
- ✓ **Terma dan syarat lain Aturan Khairat Kematian 2009 dikekalkan.**

**Isteri & anak (peneroka/kakitangan) digalakkan menjadi anggota KPF untuk menerima Khairat Kematian.*

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi:



03-2694 2095



kpfanggota@felda.net.my



019-266 6348



@kpfasmi



www.kpf.my

Setinggi-tinggi

Jahniah

kepada

**YBHG. DATUK HAJI SULONG JAMIL
MOHAMED SHARIFF**

KETUA PENEROKA FELDA KEBANGSAAN
MERANGKAP
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI PERMODALAN FELDA
MALAYSIA BERHAD (KPF)

atas pengurniaan

DARJAH PANGKUAN SERI MELAKA (D.P.S.M.)

yang membawa gelaran
DATUK

sempena

**MAJLIS ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH,
BINTANG DAN PINGAT KEBESARAN NEGERI MELAKA**

Ikhlas daripada

**PENGERUSI, ANGGOTA LEMBAGA
DAN SELURUH WARGA KERJA
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD
DAN SYARIKAT KUMPULAN**

[25 OGOS 2025]



@kpfirasmi



www.kpf.my

Setinggi-tinggi

Fahniah

kepada

**PUAN NOOR AFIFAH
BINTI ABDUL RAZAK**

atas pelantikan sebagai

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Ikhlas daripada
**PENGERUSI, ANGGOTA LEMBAGA
DAN SELURUH WARGA KERJA
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD
DAN SYARIKAT KUMPULAN**

[17 JULAI 2025]



@kpf rasmi



www.kpf.my

TOMAHAWK STEAK

GULAI RAJA BERANGKAT

2 - 4 PAX

SERVE WITH WITH RICE
AND CONDIMENTS

RM **399+**



BLACK ANGUS

2 - 4 PAX

SERVE WITH WITH RICE
AND CONDIMENTS

RM **799+**

BOOK NOW • +019 385 4796



MS 1500:2019
JAKIM.700-2/3/2 034-04/2018



MOST PREFERRED BRAND
Outstanding Muslim-Friendly Hospitality
& Event Space

TERBITAN:



JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD